

11 JUN 1999

ASN2-CUKAI

DIVIDEN ASN2 DIKECUALIKAN DARIPADA CUKAI

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Kementerian Kewangan telah memberikan pengecualian cukai pendapatan ke atas semua pendapatan yang diterima oleh Amanah Saham Nasional 2 (ASN2) dan dividen yang dibayar oleh ASN2 kepada pemegang-pemegang unit.

Dalam kenyataannya di sini hari ini, Permodalan Nasional Bhd (PNB) menyatakan bahawa pengecualian itu ke atas kedua-dua perkara tersebut adalah untuk tempoh lima tahun mulai tahun taksiran 2000 hingga 2005 (mengikut sistem taksiran tahun semasa).

ASN2 merupakan dana saham amanah kelima yang diuruskan oleh PNB selepas Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Harta Tanah PNB (AHP) dan Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020).

Ia dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Skim ASN2 juga merupakan saham amanah kedua selepas ASN yang diniagakan dengan harga berubah-ubah.

ASN2 dibuka kepada Bumiputera berumur 18 tahun ke atas dan ia juga memberi peluang kepada para pelabur ASN dan ASB yang telah mencapai tahap maksimum pelaburan dan juga kepada para pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk melabur.

Menurut kenyataan itu juga, mulai 10 Jun 1999 saiz tabung ASN yang ada sekarang akan dihadkan kepada 2.5 bilion unit.

Sehingga semalam, sejumlah 2.374 bilion unit ASN telah dilanggan dan unit yang tinggal ialah sebanyak 125.6 juta unit.

Sekiranya semua unit ASN ini telah dibeli maka pelabur-pelabur perlu menunggu sehingga ada pelabur lain menjual unit ASN mereka sebelum mereka boleh membeli unit-unit tersebut. -- BERNAMA

DVS JR